




REMISI CUKAI TAKSIRAN



MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

APA ITU REMISI CUKAI TAKSIRAN ?

Remisi Cukai Taksiran yang diperuntukkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 162, ialah bila sesuatu bangunan tidak diduduki dan tiada apa-apa sewa dikenakan, maka Pihak Berkuasa Tempatan boleh memerintahkan supaya sebahagian daripada cukai taksiran mengikut tempoh bangunan itu tidak diduduki, dipulangkan balik, setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

APAKAH KELAYAKAN YANG PERLU UNTUK MEMOHON ?

- ❑ Notis secara bertulis diberi kepada MPPP dalam masa 7 hari bangunan itu kosong (diambil kira 7 hari dari tarikh Jabatan menerima notis);
- ❑ Bangunan itu dapat dibuktikan berada di dalam keadaan yang baik dan sesuai untuk diduduki;
- ❑ Borang permohonan (RAC 3) untuk mendapatkan Pulangan Balik/Remisi Cukai Taksiran mestilah dihantar tidak lewat daripada 1 bulan selepas tamatnya setengah tahun berkenaan iaitu sebelum 31 Januari atau 31 Julai;
- ❑ Jika terdapat pembaikan dan pengubahsuaian ianya dapat dibuktikan secara besar-besaran sehingga tidak layak diduduki;
- ❑ Sewa yang diminta adalah munasabah;
- ❑ Usaha – usaha yang munasabah telah dilakukan untuk mencari penyewa seperti :-
 - Tanda “Untuk Disewa” –Dipamerkan di bangunan (separuh tahun yang dipohon)
 - Perlantikan Ejen Hartanah - Sertakan bukti (separuh tahun yang dipohon)
 - Iklan dalam suratkhbar – Sertakan bukti (separuh tahun yang dipohon)

BAGAIMANA UNTUK MEMOHON ?

- ✍ Hantarkan notis kekosongan (di belakang muka surat ini) kepada alamat yang dinyatakan dalam tempoh 7 hari berlakunya kekosongan;
- ✍ Setelah syarat-syarat dipatuhi, borang permohonan (RAC 3) akan dihantar kepada pemohon (pastikan anda mendapat borang ini di penghujung setiap separuh tahun yang dipohon);
- ✍ Borang yang sempurna, resit rasmi (asal) dan bukti-bukti usaha (keratan akhbar/invois/surat agen untuk separuh tahun yang dipohon), mestilah dikembalikan kepada Jabatan ini tidak lewat daripada 1 bulan selepas tamatnya tempoh separuh tahun iaitu sebelum 31 Januari atau 31 Julai untuk diproses.

BENARKAH REMISI CUKAI TAKSIRAN TAMAT PADA 31/12/2010 DAN TIADA LAGI REMISI DIBERIKAN MULAI 1/1/2011

Ya, benar. MPPP telah mengesahkan perkara ini pada 26/09/2008 di Mesyuarat Biasa Majlis; MBM/2008/09.



KEMUSYKILAN ?

Sila hubungi :

**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG,
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA,
PARAS 12, KOMTAR,
10675 PULAU PINANG**

Tel : 04-2592134
Faks : 04-2593763
E-mel : penilaian@mppp.gov.my